

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Promosi Energy Stick sasar kanak-kanak

Produk perlu segera dibanteras elak bawa kesan buruk kepada generasi muda

Oleh Amir Abd Hamid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Produk penyedut hidung (nasal inhaler) atau dipanggil sebagai Energy Stick adalah jelas promosi dan perniagaan produk buruk yang menyasar generasi muda, terutama kanak-kanak.

Pakar perubatan kesihatan

awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata produk itu membawa risiko bahaya langsung akibat bahan dan cara yang digunakan.

"Cara penggunaannya juga sama seperti satu daripada kaedah penyalahgunaan dadah melalui hidung (snorting).

"Sekiranya tidak dibanteras oleh pihak berkuasa dan masyarakat tidak mengambil peduli, adalah dikhuatiri nanti mewujudkan budaya negatif dalam kalangan masyarakat negara ini," katanya.

Bertindak segera

Justeru, Dr Zainal berkata, pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Ne-

KKM ambil tindakan segera penjualan 'Energy Stick'



Keratan akhbar BH, semalam.

geri dan Kos Sara Hidup (KPND) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu bertindak segera menghentikannya.

"Pihak berkuasa tolonglah, jangan tunggu lama-lama sehingga ia menjadi barah merebak menjadi budaya negatif.

"Ibu bapa, masyarakat dan peniaga juga perlu bantu dalam tindakan bersama untuk melum-

puhkan terus perniagaan seumpamanya," katanya.

Terdahulu kelmarin, KKM maklumkan akan mengambil tindakan segera terhadap kewujudan produk penyedut hidung atau dikenali sebagai Energy Stick yang kini giat dipromosikan menerusi sosial media.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata sudah menerima aduan dan amaran berhubung produk berkenaan.

Namun tinjauan mendapati Energy Stick kononnya sebagai produk memberi kesegaran kepada pengguna yang turut menyasar golongan pelajar itu di dapati masih berlabak dijual serta dipromosikan di pasaran terbuka menerusi platform media sosial.

Pihak berkuasa tolonglah, jangan tunggu lama-lama sehingga ia menjadi barah merebak menjadi budaya negatif. Ibu bapa, masyarakat dan peniaga juga perlu bantu dalam tindakan bersama untuk melumpuhkan terus perniagaan seumpamanya



Dr Zainal Ariffin Omar, Pakar perubatan kesihatan awam

Berlabak dijual di media sosial harga serendah RM2.50

Kuala Lumpur: Produk digelar Energy Stick iaitu penyedut hidung (nasal inhaler) yang dikhuatiri berisiko menjejaskan kesihatan dan menyasar golongan pelajar, masih berlabak dijual serta dipromosi dalam pasaran terbuka, menerusi platform media sosial seperti TikTok dan Shopee.

Keadaan itu jelas menunjukkan amaran Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, untuk menanganis isu itu tidak diendahkan pihak berkenaan.

Dr Dzulkefly dalam kenyataannya, dilaporkan memberitahu sudah menerima aduan dan amaran berhubung produk berkenaan yang bersaiz kecil, hanya sebesar pemetik api, berwarna warni dan didatangkan dengan pelbagai perisa menarik.

Beliau mengarahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan segera terhadap kewujudan produk yang dipromosi kononnya dapat memberi tenaga dan kesegaran kepada pengguna.

Namun, tinjauan di beberapa platform media sosial mendapati promosi jualan dalam talian untuk produk Energy Stick masih berlangsung seperti biasa dan

mungkin tiada pun iklan diturunkan biarpun Menteri Kesihatan sudah mengarahkan tindakan diambil.

Malah ada iklan produk itu mengelirukan apabila menunjukkan grafik perbandingan keadaan paru-paru lebih bersih kepada yang sudah menggunakan produk tersebut, berbanding gambaran paru-paru sebelum penggunaannya.

Bagi menarik pengguna Islam membeli produk berkenaan, ada juga iklan lain tertera 'Halal Nasal Inhaler Stick Liver Cleansing' (Penyedut Hidung Halal Membersihkan Paru-Paru).

Ada juga pempengaruh menyiarkan rakaman video menjelaskan kononnya produk yang semakin popu-


lar dalam kalangan pelajar itu, boleh menyelesaikan masalah berdengkur, selesema dan susah tidur (insomnia).

Malah pempengaruh berkenaan yang mempunyai lebih 270,000 pengikut itu turut menunjukkan cara untuk menggunakan Energy Stick berkenaan dengan memberikan reaksi lega selepas menyedutnya menerusi dua rongga hidung.

Malah, ada penjual yang menggunakan slogan 'Sedut dahulu,



Energy Stick dijual dalam talian termasuk paparan grafik perbezaan paru-paru yang menjadi lebih bersih selepas menggunakan produk.



baru pergi ke sekolah' dan 'Sedut dahulu, baru mulakan kerja'.

Public Health Malaysia (PHM) dalam perkongsian di Facebook, menyiarkan maklumat kepada masyarakat supaya berhati-hati dengan produk dikenali sebagai Energy Stick.

Popular kalangan pelajar

PHM mendedahkan, produk jolok hidung dan sedut itu adalah terkini di pasaran dijual secara berleluasa dengan harga seren-

dah RM2.50 hingga RM10 sahaja dan apa yang membimbangkan ia mula popular dalam kalangan pelajar sekolah.

"Dari segi perubatan, pengambilan bahan kimia melalui hidung menyebabkan kerosakan mukus di dalam rongga hidung, luka, pendarahan dan jangkitan.

"Alahan dan keracunan juga boleh berlaku kerana bahan yang digunakan tidak diketahui.

"Ada dua corong yang muat ke

lubang hidung dan boleh disedut melalui hidung terus ke paru-paru.

"Jika diperhatikan, pengambilan produk ini sama seperti pengambilan bahan kimia melalui hidung dan secara psikologinya adalah sangat negatif kerana menggalakkan pengguna untuk mencuba bahan-bahan lain termasuk dadah," katanya.

Justeru, PHM meminta supaya penjualan produk itu dihentikan segera.



Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapi-
ma.com.my

PENJUALAN ENERGY STICK SASAR PELAJAR

Iklan belum diturunkan

Kuala Lumpur

Produk *Energy Stick* atau penyedut hidung (*nasal inhaler*) yang dikuatiri berisiko menjejaskan kesihatan dengan menyasarkan pelajar dikesan banyak dijual dan dipromosikan di platform media sosial.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati promosi jualan dalam talian untuk produk *Energy Stick* masih ada di platform terbahit dan iklannya masih belum diturunkan.

Malah, terdapat grafik perbandingan keadaan paru-paru lebih bersih apabila sudah menggunakan produk berkenaan, berbanding gambaran paru-paru sebelum penggunaannya.

Selain itu, bagi menarik pengguna Islam membeli produk berkenaan, ada juga iklan lain tertera *Halal Nasal Inhaler Stick Liver Cleansing* (Penyedut Hidung Halal Membersihkan Paru-Paru).

Ada juga pempengaruh menyiarkan rakaman video menjelaskan kononnya produk yang semakin popular dalam kalangan pelajar berkenaan boleh menyelesaikan masalah berdehkur, selesema dan susah tidur.

Malah, pempengaruh berkenaan yang mempunyai lebih 200,000 pengikut itu turut menunjukkan cara untuk menggunakan *Energy Stick* terbahit dengan memberi reaksi lega selepas menyedutnya menerusi dua rongga hidung.

Harian Metro semalam melaporkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengarahkan

Tingkahtlaku menyerupai menyedut dadah

Merosakkan mukus dalam rongga hidung

Risiko alahan dan keracunan

Mudah tercemar & menyebabkan jangkitan

NEW

PHM

"Energy Stick" Permulaan Untuk Penggunaan Vape & Dadah

hatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengarahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan tindakan segera bagi menangani isu itu.

Malah, beliau turut dilaporkan berkata, ada menerima aduan serta amaran berhubung produk berkenaan.

Arahan tindakan segera dikeluarkan susulan pendedahan *Public Health Malaysia* (PHM) menerusi hantaran di Facebook meminta masyarakat agar berhati-hati dengan produk dikenali sebagai *Energy Stick*.

Malah, ada penjual yang menggunakan slogan 'Sedut dahulu, baru pergi ke sekolah', 'Sedut dahulu, baru mulakan kerja'.

Arahan tindakan segera dikeluarkan susulan pendedahan *Public Health Malaysia* (PHM) menerusi hantaran di Facebook meminta masyarakat agar berhati-hati dengan produk dikenali sebagai *Energy Stick*.

Ia bersaiz kecil, hanya sebesar pemetik api, berwarna-warni dan didatangkan dengan pelbagai perisa menarik serta dijual pada harga serendah RM2.50 hingga RM10 sahaja.

JOLOK HIDUNG DAN SEDUT

Menteri arah tindakan!

"Energy Stick" Permulaan Untuk Penggunaan Vape & Dadah

Gesa pemeriksaan rambang pelajar

Produk tarik kanak-kanak, remaja

LAPORAN Harian Metro, semalam

Produk bawa risiko bahaya

Kuala Lumpur: Produk penyedut hidung (*nasal inhaler*) atau dipanggil sebagai *Energy Stick* ibarat menyasarkan produk tidak baik kepada generasi muda terutama kanak-kanak.

Pakar kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, produk itu membawa risiko bahaya secara langsung akibat bahan dan cara penggunaannya.

"Cara penggunaannya juga sama seperti satu daripada kaedah penyalahgunaan dadah melalui hidung (*snorting*).

"Sekiranya ia tidak dibanteras oleh pihak berkuasa dan masyarakat tidak mengambil peduli, adalah dikuatiri mewujudkan budaya negatif dalam kalangan masyarakat di negara ini," katanya.

Kawal, sebar maklumat bahaya Energy Stick

Kuala Lumpur: Kewujudan produk penyedut hidung atau *Energy Stick* yang dipromosikan menerusi media sosial menimbulkan kebimbangan orang ramai kerana boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan.

Tukang jahit, Hayati Hamzah, 59, berkata, dia bimbang dengan penjualan produk *Energy Stick* itu kerana boleh membahayakan kesihatan pengguna.

"Produk ini memang tidak baik untuk kesihatan dan sangat berbahaya terutama kepada anak-anak yang kini sangat cenderung untuk mengikuti trend semasa dan seronok mencuba benda baharu.

"Sebagai ibu bapa, saya mungkin tidak tahu jika

Kawal, sebar maklumat bahaya Energy Stick

mereka ada mencampurkan bahan lain, bahkan kewujudan produk ini juga memudahkan mereka untuk mengambil bahan terlarang," katanya.

Katanya, walaupun kebanyakannya individu menyedari pengambilan produk ini mungkin membahayakan kesihatan, tetapi mereka masih mahu mencuba dan tidak menghiraukannya.

"Saya amat tidak menggalakkan sesiapa mencubanya. Malah, golongan wanita juga sudah ramai terjebak dengan penggunaan *vape*. Jangankan anak-anak, ibu bapa juga ramai yang menggunakannya," katanya.

Peniaga pakaian, Jamal Sadri, 60, berkata, pihak berkuasa perlu mengawal

Kawal, sebar maklumat bahaya Energy Stick

ini menerusi jualan dalam talian, banyak remaja mungkin terbahit secara tidak langsung kerana mahu mencuba benda baharu.

"Sebagai ibu bapa, kita perlu jaga aktiviti harian anak-anak bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam perkara yang tidak diingini.

"Bagi saya pula, memantau tindakan dan pembeilan dilakukan anak-anak adalah jalan yang terbaik.

"Sebelum adanya *Energy Stick*, rokok dan *vape* memberi kesan buruk terutama dari segi kesihatan berkaitan pernafasan. Lebih baik menjaui perkara tidak berfaedah kerana kesihatan adalah lebih utama," katanya.

Saya amat tidak menggalakkan sesiapa mencubanya. Malah, golongan wanita juga sudah ramai terjebak dengan penggunaan vape. Jangankan anak-anak, ibu bapa juga ramai yang menggunakannya"

Hayati Hamzah

dan menyebarkan maklumat mengenai bahaya *Energy Stick* ini untuk kesedaran orang ramai.

Menurutnya, apabila mudah membeli produk

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NST LEADER

Hello, doc

'Can I put you on hold?'

FINALLY, the doctors are getting the call they were waiting for 10 years: new on-call rates. About time, given the aged rate. Doctors, too, succumb to the disease called rising cost of living. But when and by what quantum remains to be announced. As for the timing, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad says "soon". The doctors are hoping the "soon" of the ministry wouldn't turn out to be the same as the typical Malaysian promise of "on the way". Can't blame them, as this debate has been going on for at least a year. Rates, too, may not be what the doctors are pinning their hopes on. The Malaysian Medical Association (MMA) had suggested to the ministry that the on-call rate for weekends be RM25 per hour, a whopping 178 per cent jump. Don't blame the MMA for going after a "whopping" hike. The fault lies in Putrajaya keeping a low hourly rate — RM9.16 — for more than a decade. Just to give a context to the MMA argument, a barista in Kuala Lumpur earns RM14 per hour. With their gruelling years in medical school and at least a year spent as house officers, the doctors surely deserve the RM11 per hour more.

But this isn't the only demand the MMA has put the government on notice. Staffing and issues related to promotions are problems waiting for solutions. We may be having more than enough medical schools, but contrary to official figures — one doctor to 420 people in 2021 — there seems to be not

The MMA may be seen as a thorn in the side of the government, but Putrajaya will do well to listen to it.

enough doctors in hospitals and clinics throughout the country to cater to the increasing number of patients there. Long queues and doctors clocking more hours than necessary point to similar shortfalls. Is the ministry using crude statistics or is there more to it than what the anecdotal evidence suggests? Doctors-to-population ratio just doesn't do the job. It may serve some theoretical purpose, such as comparing one country with another, but nothing more. We suggest our Health Ministry switch from ratios based on population to one based on workload. Complex no doubt, but more real.

Resignations are spiking. Start with contract doctors. According to MMA data, contract medical officers are leaving in hordes. Is the ministry in search of clues? They are not telling. In 2017, only 110 quit the public health service, in 2022, a mind-boggling 1,354 left. And that is beyond the graph in percentage terms. The public health sector is also bleeding specialists, according to MMA. Between 2011 and 2017, 1,000 of them called it quits. Between 2018 and 2022, 890 of them opted out for various reasons. It may appear as a drop, but it isn't. The former was over seven years while the latter was for five years. But the point is, junior and senior doctors are leaving in droves. If we understand the MMA right — from the noises the association has been making over the years — the exodus is due to issues related to human resource management. Low wages, burnout due to maldistribution of doctors, non-transparent criteria for promotion, and so the list goes on. The MMA may be seen as a thorn in the side of the government, but Putrajaya will do well to listen to it. If not for anything, the MMA knows the doctors' tachycardia and bradycardia better.

AKHBAR : THE START
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NATION

Johor vape sale ban remains amid 'energy stick' concerns

By **REMAR NORDIN**
remar.nordin@thestar.com.my

YONG PENG: Johor is still enforcing the ban on the sale of vapes, a restriction that has been in effect since 2016 following the decree of His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia.

"So far, none of the local councils in Johor has issued business operating licences to those selling vapes and related products," said Johor Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon, who

added that the state is still waiting for further instructions on the action that can be taken against those who sell the product.

The subject of vaping came into the limelight following the removal of nicotine gels and liquids as controlled substances under the Poisons Act 1952 last year.

"To date, we have not received any reports on such products being sold in the state; at the same time, we would like to encourage the public to report any activities related to this.

"What we need to do is look into how to monitor the sale of this product online," he said at Dewan Orang Ramai Yong Peng, here yesterday.

Ling was responding to Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad's statement, where the latter said the Health Ministry is planning to take immediate action on the "energy sticks" being sold in Malaysia and their rising popularity among minors.

On Jan 1, 2016, Johor officially became the first state in the coun-

try to ban vaping, with enforcement on users as well as traders selling them, following Sultan Ibrahim's decree as the Johor Ruler.

Meanwhile, on the programme, Ling, who is also the Yong Peng assemblyman, said the Yong Peng District Council has spent RM215,000 every month on waste disposal alone.

"In a year, the council spent around RM2.6mil just to collect waste; this is a very huge amount that we could have saved and

used for other development in Yong Peng.

"This is one of the reasons why the Johor government, under the leadership of Mentri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi, has introduced the Johor Bersih programme," he said.

Ling added that a relook at waste generation and management will not only help reduce the council's expenses, but also create a good image of Johor for visitors, especially foreign tourists who come to the state.